

Pemikiran Dramatis Teks Pentas Dalam *Antologi Tukang Ensera*

Oleh

Dr. Nur Afifah Vanitha Abdullah

Program Drama dan Teater

Jabatan Seni Persembahan dan Teknologi Produksi

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

Universiti Malaysia Sarawak

anafifah@faca.unimas.my

Abstrak

Kertas kerja ini meneliti enam buah teks drama pentas yang diterbitkan melalui *Antologi Tukang Ensera (2001)*. Sebahagian besar daripada teks-teks ini telah memenangi Peraduan Sastera Kreatif, bahagian skrip drama pentas anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Cawangan Sarawak. Kertas kerja ini menggunakan kaedah analisis teks drama untuk meneliti pemikiran dramatis yang menghasilkan enam buah skrip pentas tersebut. Teks-teks ini adalah hasil karya empat orang dramatis Sarawak iaitu Awangku Merali Pengiran Mohamed, Jais Sahok, Median Dahlan dan Buang Umar. Secara umum pemikiran para dramatis dalam teks drama pentas *Antologi Tukang Ensera* adalah kepentingan mengamalkan sikap kesederhanaan dalam mencapai matlamat.